



DASAR REPOSITORY INSTITUSI UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (UMSIR)

1. PENDAHULUAN

Dasar ini menetapkan menetapkan prinsip dan teras pengurusan bahan bagi Koleksi Repotori Institusi Universiti Malaysia Sabah (UMSIR) yang perlu dipatuhi dan dilaksanakan oleh semua warga universiti di Universiti Malaysia Sabah (UMS).

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah diwujudkan pada tahun 1995 bagi menjalankan fungsi sebagai pengurus dan penyimpan maklumat bagi menyokong pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan.
- 2.2 Perpustakaan UMS juga telah dipertanggungjawabkan untuk menyimpan bahan ilmiah Universiti Malaysia Sabah (UMS). Fungsi ini telah dilaksanakan sejak tahun 2000 dengan mewujudkan Koleksi Arkib selepas menerima latihan ilmiah daripada graduan pertama universiti pada tahun 1999.
- 2.3 Bagi memastikan koleksi ini mudah dicapai oleh pelanggan perpustakaan, pewujudan Koleksi Repotori Institusi Universiti Malaysia Sabah (UMSIR) dalam bentuk digital telah diperkenalkan pada tahun 2010. Evolusi atau perkembangan ini sememangnya sejajar dengan keperluan semasa era teknologi komunikasi maklumat (ICT) dan 'ledakan maklumat' yang membawa gaya hidup berteraskan penggunaan komputer, *information anytime and anywhere*, dan ini juga selaras dengan Statut dan Perlambagaan Universiti Malaysia Sabah 2018 (Kuasa dan Kewajiban Ketua Pustakawan).

3. SKOP

Dasar Repotori Institusi Universiti Malaysia Sabah (UMSIR) ini terpakai kepada semua bahan ilmiah Universiti Malaysia Sabah (UMS) sama ada yang dihasilkan oleh ahli akademik, bukan akademik dan pelajar tahun akhir.

4. DEFINISI

4.1 Bahan Ilmiah Universiti Malaysia Sabah (UMS)

Bahan yang dihasilkan oleh ahli akademik, bukan akademik dan pelajar tahun akhir sama ada bercetak atau bukan bercetak, diterbitkan atau tidak diterbitkan, yang merupakan harta intelek universiti.

Bahan ilmiah UMS ini terdiri dari Artikel; Buku; Tesis; Latihan Ilmiah; Laporan Penyelidikan; Projek Pelajar; Projek Keusahawanan; Laporan Sabatikal; Jurnal; Syarahan Utama; Bab Dalam Buku; Buletin; Imej Digital / Visual; Bahan Pandang-

Dengar; Garis Panduan; Prosiding; Kertas Kerja Seminar / Persidangan / Simposium / Konvensyen; Kertas Bengkel / Kursus; Kertas Soalan Peperiksaan; Skor Muzik / *Musical Composition*; serta Prospektus UMS.

5. PENYATAAN DASAR

Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah (UMS) komited untuk mengurus Repositori Institusi Universiti Malaysia Sabah (UMSIR) dengan sistematik agar semua penghasilan bahan ilmiah UMS yang diperoleh, disimpan, dipelihara dan seterusnya dapat diakses semula secara atas talian sebagai bahan rujukan pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, penerbitan dan inovasi.

6. OBJEKTIF

- 6.1 Menetapkan prinsip Repositori Institusi Universiti Malaysia Sabah (UMSIR).
- 6.2 Menetapkan tanggungjawab Pusat Tanggungjawab (PTJ) dalam pelaksanaan pengurusan Repositori Institusi Universiti Malaysia Sabah (UMSIR).
- 6.3 Memastikan Repositori Institusi Universiti Malaysia Sabah (UMSIR) diurus dengan cekap dan teratur selaras dengan dasar, garis panduan dan piawaian yang ditetapkan.

7. PRINSIP PENGURUSAN REPOSITORY INSTITUSI UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (UMSIR)

- 7.1 Pengurusan Repositori Institusi Universiti Malaysia Sabah (UMSIR) merangkumi aktiviti pemerolehan, penyimpanan, pemeliharaan dan patan semula.
- 7.2 Pengurusan Repositori Institusi Universiti Malaysia Sabah (UMSIR) adalah berdasarkan dasar garis panduan dan piawaian yang ditetapkan.

8. TANGGUNGJAWAB PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)

- 8.1 Penyerahan bahan ilmiah Universiti Malaysia Sabah (UMS)

Tanggungjawab Pusat Tanggungjawab (PTJ) bertanggungjawab untuk menyerahkan bahan ilmiah UMS bagi tujuan penyimpanan dan pemeliharaan bagi tujuan kemudahcapaian pelanggan sama ada secara fizikal atau dalam talian.

9. PELAKSANAAN PENGURUSAN REPOSITORY INSTITUSI UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (UMSIR) OLEH PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (UMS)

Perpustakaan UMS bertanggungjawab memastikan pengurusan Repositori Institusi Universiti Malaysia Sabah (UMSIR) dilaksanakan mengikut dasar dan garis panduan dan piawaian yang ditetapkan.

10. KATEGORI AKSES

- 10.1 "Akses tidak terhad" bermaksud akses kepada bahan-bahan yang terdiri daripada

bahan sumber tidak terhad yang boleh diperolehi secara dalam talian dan tanpa sekatan.

- 10.2 "Akses bersyarat / terhad" bermaksud akses kepada bahan yang tidak boleh diakses secara umum dan memerlukan kebenaran autoriti pengarang.
- 10.3 "Akses embargo" bermaksud akses kepada bahan yang mempunyai status embargo hanya boleh diakses selepas tamat tempoh embargo tersebut.
- 10.4 Bahan Tesis dan Akademik Exercise;
 - i. 24 muka surat pertama boleh diakses secara TERBUKA melalui UMSIR.
 - ii. Paparan penuh (full text) tesis digital TERHAD untuk warga UMS sahaja.

11. PENUTUP

Dasar Repozitori Institusi Universiti Malaysia Sabah (UMS) ini hendaklah dijadikan asas bagi pengurusan bahan ilmiah Universiti Malaysia Sabah (UMS).

12. SUMBER RUJUKAN

- 11.1 Akta Hak Cipta 1987.
- 11.2 Statut dan Perlombagaan UMS 2018 (Kuasa dan Kewajiban Ketua Pustakawan) di bawah Perkara No. 3 (i).

13. PENGEMASKINIAN DASAR

Dasar ini akan dikemaskini mengikut keperluan dan kesesuaian yang ditetapkan dari semasa ke semasa.

14. TARIKH KUAT KUASA

Dasar Repozitori Institusi Universiti Malaysia Sabah (UMSIR) ini berkuatkuasa mulai dari tarikh diluluskan.